

## Teknik Amplifikasi Emosi Wira dalam Terjemahan Novel *The Elite* Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Perancis, *L'Élite*

*(Amplification Technique of Heroic Emotion in the Translation of the English Novel The Elite into French, L'Élite)*

Nursu'aidah Zainal Abidin<sup>1\*</sup>, Zuraini Jusoh<sup>2</sup>, Omrah Hassan@Hussin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.

Email : gs68280@student.upm.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia

Email : zurainijusoh@upm.edu.my

<sup>3</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia

Email: omrah@upm.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Nursu'aidah Zainal Abidin  
(gs68280@student.upm.edu.my)

### KATA KUNCI:

Teknik Terjemahan  
Amplifikasi  
Emosi Wira  
Kesetaraan Terjemahan

### KEYWORDS:

Translation's technique  
Amplification  
Heroic emotion  
Equivalence

### CITATION:

Nursu'aidah, Z.A., Zuraini, J., & Omrah, H. (2026). Teknik Amplifikasi Emosi Wira dalam Terjemahan Novel *The Elite* Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Perancis, *L'Élite*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(2), e003767. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3767>

### ABSTRAK

Penterjemahan unsur emosi dalam karya sastera sering kali tidak diberikan perhatian yang sewajarnya lebih lagi apabila melibatkan jurang bahasa yang ketara seperti terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis. Aspek ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesepadanan makna dan pengalaman pembacaan. Justeru, kajian ini meneliti terjemahan novel *The Elite*, bahasa Inggeris ke dalam *L'Élite*, bahasa Perancis dengan memberi tumpuan kepada pemindahan emosi wira serta aplikasi teknik amplifikasi yang digunakan oleh penterjemah. Analisis turut meneliti bagaimana teknik tersebut menyumbang kepada keberkesanan penyampaian emosi melalui sejauh mana ia menyokong atau mengubah makna asal, dan kesesuaiannya dengan teori penterjemahan yang dijadikan kerangka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen berpandukan teori prosedur terjemahan Molina dan Hurtado Albir (2002) yang dibangunkan daripada kerangka utama Vinay dan Darbelnet (1958; 1995), disertai sokongan teori Rasa-Fenomenologi Aziz (1998). Dapatan kajian dijangka memperlihatkan hubungan erat antara pemilihan teknik amplifikasi dan kesetiaan emosi wira dalam teks terjemahan, sekali gus menegaskan kepentingan pemindahan emosi sebagai salah satu penanda utama kesepadanan dalam penterjemahan sastera.

### ABSTRACT

The translation of emotional elements in literary works has often been overlooked, particularly when it involves a crucial linguistic gap such as translation from English into French. This aspect plays an important role in ensuring equivalence of meaning and the reading experience.

Therefore, this study examines the translation of the novel *The Elite*, English into *L'Élite*, French in focusing on the transfer of heroic emotions as well as the application of amplification techniques employed by the translator. The analysis also investigates how these techniques contribute to the effectiveness of emotional expression by assessing the extent to which they support or alter the original meaning, and their suitability within the theoretical framework adopted. This research employs a qualitative approach through document analysis, guided by the translation procedures of [Molina and Hurtado Albir \(2002\)](#), which were developed from the main framework of [Vinay and Darbelnet \(1958; 1995\)](#), and supported by [Aziz's \(1998\) Rasa-Fenomenologi's](#) theory of emotions. The findings are expected to demonstrate the close relationship between the choice of amplification techniques and the fidelity of heroic emotions in the translated text, thereby underscoring the importance of emotional transfer as a key marker of equivalence in literary translation.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini mampu memberikan pemahaman tentang cara teknik terjemahan digunakan untuk mengekalkan atau memperkukuh unsur emosi dalam karya sastera. Ia menyumbang kepada bidang terjemahan dengan menyoroti strategi linguistik, kesan emosi terhadap pembaca, dan memberi panduan praktikal bagi penterjemah.

## 1. Pengenalan

Teks yang memaparkan jurang budaya dan linguistik yang ketara menuntut penggunaan prosedur terjemahan yang mampu memastikan kesetaraan makna dan keutuhan penyampaian terjemahan dalam bahasa sasaran secara berkesan. Kelebaran jurang linguistik antara bahasa Inggeris dan Perancis menghadkan kebolehan penterjemah untuk mencapai terjemahan yang benar-benar sepadan dari segi makna dan emosi menyebabkan usaha untuk mengekalkan kesepadanan emosi dalam terjemahan menjadi semakin mencabar. Rentetan itu, pemilihan prosedur terjemahan yang tepat sangat mendorong kepada penghasilan terjemahan yang lebih sepadan dari segi makna, nuansa budaya, dan kesan emosi dalam bahasa sasaran. Teknik Amplifikasi yang mampu memperjelas, menghuraikan serta menyediakan konteks yang diperlukan dalam menyeimbangi bahasa sasaran ([Ramadhani et al, 2024; Anis, 2023](#)) berpotensi tinggi dalam memastikan ketepatan penyampaian mesej dan pemeliharaan kesan emosi teks bahasa sumber. Aplikasi amplifikasi dalam terjemahan juga membantu meningkatkan kualiti terjemahan sejurus mengurangkan jurang linguistik serta budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran ([Molina & Hurtado Albir, 2002](#)).

Dalam konteks penterjemahan novel *The Elite*, Bahasa Inggeris dan *L'Élite*, Bahasa Perancis, emosi wira wajar diberi fokus utama kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk citra keberanian dan pengorbanan watak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, rasa wira adalah merujuk kepada pahlawan lelaki. Namun, dalam konteks karya sastera, elemen wira ini mempunyai ciri-ciri seperti memiliki akal yang waras, teguh, cekap ([Aziz, 1998](#)) dan dikaitkan juga dengan sifat bertenaga ([Subramoniam Manonmani Devi & Annamala, 2023](#)). Penggunaan teknik amplifikasi membolehkan penterjemah memperluas atau menambah elemen tertentu bagi

menonjolkan emosi wira yang mungkin kurang jelas dalam teks sumber. Melalui pendekatan ini, terjemahan bukan sahaja mengekalkan makna asal, tetapi juga memperkukuh kesan emosi dan semangat kepahlawanan mahupun kobaran jati diri dalam watak bahasa sasaran.

Sehubungan itu, kajian ini membentangkan mengenai kehadiran teknik amplifikasi dalam terjemahan yang melibatkan ayat-ayat yang mempunyai unsur emosi wira dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite*. Perbincangan ini telah menghasilkan tiga objektif yang khusus iaitu:

- i. Mengenal pasti emosi wira dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite* dan
- ii. Menentukan jenis-jenis amplifikasi yang diaplikasikan dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite* serta
- iii. Menilai kesesuaian penerapan teknik amplifikasi terhadap emosi wira dalam terjemahan berdasarkan ciri-ciri teori yang digunakan.

## 2. Sorotan Literatur

Dalam menghasilkan terjemahan yang bermutu tinggi, penelitian dan pemerhatian yang mendalam mengenai jenis prosedur terjemahan dan unsur emosi yang ingin disampaikan memerlukan pertimbangan yang bernas. Namun demikian, tumpuan terhadap unsur emosi masih kurang diberikan memandangkan kebanyakan kajian terdahulu lebih menitikberatkan aspek budaya dalam terjemahan. Hal ini dapat dilihat apabila pengkaji terdahulu lebih mementingkan pemahaman rentas budaya dalam bidang penterjemahan mendorong para sarjana dalam mengkaji perbezaan-perbezaan budaya antara pelbagai bahasa (Naserly, 2017). Penekanan ini turut disokong oleh Husin et al. (2024) menyatakan terjemahan merupakan medium penting dalam komunikasi antara bahasa dan budaya serta dalam pembangunan sesebuah negara bangsa. Sehubungan itu, walaupun aspek budaya sememangnya penting dalam terjemahan, akan tetapi unsur emosi dalam teks juga wajar diberi perhatian yang setara.

Bukan itu sahaja, pelbagai prosedur terjemahan telah dianalisis secara meluas bagi menuntut keperluan bidang terjemahan, namun aspek terperinci seperti teknik amplifikasi masih kurang diberikan perhatian dalam penulisan akademik. Kekurangan sorotan ini menyebabkan potensi amplifikasi sebagai teknik penting dalam menjembatani jurang bahasa dan budaya serta emosi tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Tambahan pula, penelitian terhadap amplifikasi mampu menjelaskan bagaimana penterjemah menambah elemen maklumat bagi memastikan keterbacaan dan kesepadanan makna, khususnya apabila berhadapan dengan teks yang sarat dengan emosi. Kajian yang memperpunyai perkaitan dengan teknik amplifikasi masih baharu seperti penelitian yang dijalankan oleh Suyudi (2023), Anis (2023) serta Dlamini dan Dlamini (2021), Mahmud et al. (2021), Darmayanti et al. (2019) dan Kendenan (2018) dan masih perlu diberi perhatian. Hal ini penting kerana terjemahan emosi memerlukan kejelasan dan ketelitian yang juga menepati konsep dalam teknik amplifikasi agar pengalaman estetik serta kesan psikologi yang terkandung dalam teks asal dapat dipindahkan secara berkesan kepada pembaca sasaran. Maka, kajian khusus tentang teknik amplifikasi bukan sahaja melengkapi wacana teori penterjemahan, disamping dapat memperkayakan kefahaman tentang keberkesanan strategi ini dalam menyampaikan emosi dan kesan teks asal.

Disamping itu, terjemahan yang menekan unsur emosi juga perlu dititikberatkan untuk menjaga kualiti teks terjemahan. Hal ini demikian kerana pemindahan emosi dalam karya sastera terutama novel bukan sahaja melibatkan kesetiaan kepada bentuk bahasa, tetapi juga penghayatan terhadap elemen psikologi dan Aziz (1998) pengalaman watak yang ingin disampaikan oleh pengarang. Menurut Vinay dan Darbelnet (1958; 1995), kejayaan terjemahan bukan hanya bergantung kepada pemindahan struktur linguistik, tetapi turut melibatkan keupayaan penterjemah mengekalkan kesan stilistik dan emosi teks asal. Selaras dengan itu, Nida (1964) melalui konsep kesepadanan dinamik menekankan bahawa pembaca teks terjemahan seharusnya memperoleh kesan dan pemahaman yang setara dengan pembaca teks sumber, termasuklah dalam aspek penghayatan emosi. Oleh itu, dalam penterjemahan novel *The Elite* dan *L'Elite*, penekanan terhadap unsur emosi yang lebih dikhususkan terhadap emosi wira dan ketepatan makna yang sepadan dengan teks sumber harus dititikberatkan agar kualiti terjemahan tidak terjejas.

Emosi wira merupakan salah satu yang tergolong dalam emosi utama yang menekankan nilai keberanian, pengorbanan, dan semangat mempertahankan prinsip, yang secara tidak langsung membangkitkan rasa kagum dalam kalangan pembaca (Aziz, 1998). Dalam karya sastera terutama penelitian berasaskan novel, emosi ini biasanya terserlah melalui tindakan perlindungan dan kesanggupan watak untuk mempertahankan orang lain meskipun berdepan risiko yang tinggi. Lantas, pemindahan emosi wira dalam penulisan bukan sahaja menuntut kesepadanan makna, tetapi juga pemeliharaan kesan psikologi dan estetik agar pembaca sasaran turut merasakan aura heroisme yang sama. Oleh itu, usaha menganalisis bagaimana teknik terjemahan, khususnya amplifikasi, berperanan dalam memperkukuh atau melemahkan emosi wira adalah penting. Ini selaras dengan pandangan Molina dan Hurtado Albir (2002) yang menegaskan bahawa strategi seperti penambahan maklumat dapat meningkatkan keterbacaan, merangkumi semua aspek termasuk elemen emosi. Tambahan pula, dalam konteks novel popular seperti *The Elite*, emosi wira sering disalurkan melalui dialog, naratif pengorbanan, dan tindakan watak-watak yang menonjolkan keberanian, justeru memerlukan teknik terjemahan yang mampu mengekalkan impak psikologi tersebut.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen yang meneliti secara mendalam terhadap prosedur terjemahan dalam novel fiksyen fantasi *The Elite* dalam bahasa Inggeris serta terjemahannya *L'Elite* dalam bahasa Perancis. Fokus utama kajian ini adalah penggunaan teknik amplifikasi dan unsur emosi wira dalam terjemahan dengan meneliti aspek linguistik bagi memahami pemindahan makna, penyesuaian budaya, serta pemahaman teks. Analisis dilakukan terhadap ayat-ayat terpilih yang mengandungi elemen emosi wira untuk mengenal pasti jenis emosi wira terlebih dahulu dan ayat yang peroleih seterusnya ditentukan kepada prosedur yang lebih spesifik iaitu amplifikasi dan menilai kesetaraan terjemahan bagi menentukan kualiti hasil terjemahan berdasarkan teori Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) dan rincipian dalam aspek teknik amplifikasi berpandukan teori yang dibawa oleh Molina dan Hurtado Albir (2002) serta teori berkaitan emosi oleh Aziz (1998) dalam menganalisis kesan emosi yang dipindahkan terhadap implikasi amplifikasi. Pendekatan ini membolehkan penghuraian mendalam terhadap teknik amplifikasi yang digunakan penterjemah dalam mengekalkan elemen kepahlawanan watak serta memastikan terjemahan yang berkesan dan setara.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis kandungan menunjukkan bahawa teknik amplifikasi yang merupakan salah satu dari teknik tejemahan berlandaskan teori [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) dan diperincikan lagi kepada lima jenis amplifikasi seperti yang diketengahkan oleh [Molina dan Hurtado Albir \(2002\)](#). Kesemua jenis amplifikasi ini ditunjukkan melalui [Jadual 1](#) dan seterusnya data tersebut dianalisis berpandukan kriteria kedua teori bagi menentukan kesetaraan terjemahan yang dibahagiikan kepada dua kategori iaitu terjemahan setara dan tidak setara yang disertakan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 1: Pecahan jenis-jenis amplifikasi dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite*

Bil	Jenis-jenis amplifikasi	Kekerapan	Peratusan (%)
1	Penjelasan ( <i>Explicitation</i> )	113	41
2	Penambahan Maklumat ( <i>Addition</i> )	77	28
3	Parafrasa ( <i>Paraphrase</i> )	53	19
4	Catatan Kaki ( <i>Footnotes</i> )	4	1
5	Deskripsi ( <i>Description</i> )	32	11
Jumlah		279	100

Berdasarkan analisis keseluruhan data dalam [Jadual 1](#), dapatan menunjukkan bahawa teknik amplifikasi yang paling dominan ialah penjelasan (*explicitation*) iaitu sebanyak 41%, diikuti dengan penambahan maklumat (*addition*) sebanyak 28%, manakala parafrasa (*paraphrase*), deskripsi (*description*) dan catatan kaki (*footnotes*) mencatatkan kekerapan yang lebih rendah mengikut turutan iaitu 19%, 11% dan juga hanya 1%. Corak ini menggambarkan kecenderungan penterjemah untuk memperjelas makna tersirat serta menambah maklumat tambahan dalam usaha memastikan keterbacaan dan kesepadanan makna teks sasaran terjamin berikutan dengan penggunaan teknik amplifikasi melalui penjelasan. Penggunaan teknik amplifikasi ini turut memperkukuh pemindahan unsur emosi dalam terjemahan terutama emosi wira yang dipilih dalam kajian agar rasa dapat dirasai dengan lebih mendalam oleh pembaca bahasa sasaran. Kesimpulannya, dapatan ini selaras dengan pandangan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) serta [Aziz \(1998\)](#) yang menekankan kepentingan teknik terjemahan dalam menyokong kejelasan makna dan pengekaln kesan emosi.

Jadual 2: Penerapan Teknik Amplifikasi terhadap Emosi Wira dalam Terjemahan berdasarkan ciri-ciri Teori Terjemahan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) dan Teori Rasa-Fenomenologi [Aziz \(1998\)](#)

Bil	Bilangan	Peratusan (%)
1	Terjemahan setara	74
2	Terjemahan tidak setara	26
Jumlah		100

[Jadual 2](#) menunjukkan data yang telah dikelaskan kepada dua bahagian iaitu terjemahan setara dan tidak setara. Hasil analisis mencatatkan majoriti data iaitu sebanyak 206 ayat bersamaan 74% tergolong dalam kategori terjemahan setara, manakala hanya 73 ayat mewakili 26% dikategorikan sebagai terjemahan tidak setara. Dapatan ini jelas membuktikan bahawa penerapan teknik amplifikasi secara umumnya berkesan dalam mengekalkan kesepadanan makna dan pemindahan emosi wira daripada teks sumber ke dalam teks sasaran. Keberkesanan ini diperoleh dari penggunaan teknik seperti

penjelasan, penambahan maklumat dan parafrasa yang membantu dalam memastikan emosi dalam teks asal dapat difahami serta dialami oleh pembaca bahasa sasaran tanpa kehilangan kesan asal. Namun begitu, kewujudan peratusan yang rendah bagi terjemahan tidak setara menunjukkan masih terdapat cabaran dalam mengekalkan keutuhan makna dan emosi, khususnya apabila melibatkan perbezaan budaya serta linguistik. Dapatan ini selaras dengan pandangan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) yang menekankan kepentingan teknik terjemahan bagi mencapai kesetaraan, serta teori Rasa-Fenomenologi [Aziz \(1995\)](#) yang lebih menumpukan kepada keberkesanan emosi dalam teks terjemahan.

#### 4.1. Analisis Emosi Wira dalam Terjemahan

Data diperoleh dengan pengenalpastian emosi wira yang merangkumi sifat melindungi, menyokong, dan berkorban berpandukan teori Rasa-Feomenologi oleh [Aziz \(1998\)](#) dalam ayat novel *The Elite* dan *L'Elite* dengan meneliti bagaimana elemen tersebut dipindahkan daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran melalui pilihan ungkapan terjemahan.

##### Contoh:

**Tsu:** *Lady America, I'm very sorry about your friend. I heard she was something special. If you need anything, I'm here.*" ([Cass, 2013, ms. 71](#))

**Tsa:** "Mademoiselle America, je suis consterné par ce qui est arrivé à votre amie. J'ai cru comprendre que c'était une jeune femme qui sortait de l'ordinaire. Si vous avez besoin de quoi que ce soit, n'hésitez pas à m'appeler." ([Cass, 2019, ms. 94](#))

Emosi wira dalam petikan diatas ini diungkapkan melalui keyakinan dan kesediaan watak untuk membantu America ketika perasaan duka menyelebunginya. Frasa "*If you need anything, I'm here*" dalam TSu diterjemahkan kepada "*Si vous avez besoin de quoi que ce soit, n'hésitez pas à m'appeler*" dalam Tsa menggambarkan sifat kepahlawanan yang tidak semestinya hadir dalam bentuk tindakan fizikal, malah melalui kehadiran sokongan moral dan tawaran perlindungan tanpa syarat. Tindakan ini selaras dengan pandangan [Aziz \(1998\)](#) bahawa emosi wira dapat dikenal pasti apabila terdapat usaha untuk melindungi, menenangkan, atau menjadi tempat bergantung bagi orang lain dalam situasi sukar. Sejajar dengan pandangan [Rose \(2004\)](#) serta [Sihombing dan Rundjan \(2019\)](#) menyatakan sebuah keyakinan merupakan ringkasan untuk merasa selamat. Jadi, dengan menawarkan diri sebagai pelindung dan penyokong, watak bukan sahaja menyampaikan simpati, tetapi turut menzahirkan peranan sebagai simbolik wira yang mengutamakan kebajikan orang lain di atas kepentingan diri sendiri.

#### 4.2. Jenis-jenis Amplifikasi dalam Terjemahan

Amplifikasi dalam konteks terjemahan boleh dikenal sebagai suatu teknik di mana maklumat yang tersirat dalam teks sumber diperluaskan dalam teks sasaran ([Vinay & Darbelnet, 1958; 1995](#)). Penambahan elemen ini membantu dalam penyampaian mesej atau memantapkan pemahaman pembaca dengan tidak mengubah mesej asal yang berada dalam teks sumber ([Anis, 2023](#)). Oleh itu, bagi meneliti keberkesanan prosedur terjemahan yang digunakan, kajian ini menumpukan kepada pengenalpastian jenis-jenis amplifikasi yang diaplikasikan dengan tujuan memastikan pemindahan makna dan nuansa emosi dapat disampaikan secara sepadan dalam bahasa sasaran. Hal ini juga

bertepatan dengan teori terjemahan yang diperkenalkan oleh [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) yang menunjukkan amplifikasi merupakan salah satu kaedah dalam terjemahan yang tergolong dalam terjemahan tidak langsung. Walau bagaimanapun, pengkelasan kepada jenis-jenis amplifikasi tidak dijalankan oleh beliau, namun pakar sarjana lain, [Molina dan Hurtado Albir \(2002\)](#) telah mengambil konsep asas yang dibina oleh beliau lalu mengembangkan jenis dan bentuk amplifikasi. Maka, terbina lah jenis-jenis amplifikasi seperti amplifikasi melalui penjelasan (*explicitation*), penambahan maklumat (*addition*), parafrasa (*paraphrase*), catatan kaki (*footnotes*) dan deskripsi (*description*).

#### 4.3. Amplifikasi melalui Penjelasan (*Explicitation*)

Teknik ini digunakan untuk menzahirkan maklumat yang pada asalnya tersirat dalam teks sumber, biasanya sebagai respons terhadap tuntutan konteks atau situasi tertentu bagi memperjelas makna dalam bahasa sasaran ([Vinay & Darbelnet, 1995](#); [Molina dan Hurtado Albir, 2002](#); [Adriansyah & Mulya, 2022](#)). Penerapan teknik ini dapat meningkatkan kebolehbacaan dan pemahaman kepada pembaca bahasa sasaran. Data ini direkodkan sebagai B11AMP14.

Contoh:

**Tsu:** *"Suffice to say, your antics are making the rounds already. You're a hero around here," the nurse said with a wink.* ([Cass, 2013, ms. 78](#))

**Tsa :** Inutile de préciser que votre prise de bec a déjà fait le tour du palais, conclut ma nouvelle amie avec un clin d'œil. Vous êtes une héroïne pour certains d'entre nous. ([Cass, 2019, ms. 102](#))

Dalam contoh ini, perluasan makna yang ketara berlaku pada frasa *making the rounds already* yang diterjemahkan menjadi *a déjà fait le tour du palais*. Dalam teks sumber, ungkapan tersebut hanya satu pernyataan bahawa berita atau kelakuan itu telah tersebar luas, tanpa menyebut lokasi yang spesifik. Namun, dalam teks sasaran, penerjemah menambah maklumat lokasi iaitu *du palais* membawa makna istana, yang memberikan konteks lebih khusus tentang ruang penyebaran berita. Penambahan unsur tempat ini adalah bentuk Amplifikasi penjelasan (*explicitation*) berlaku kerana maklumat yang hanya tersirat dalam teks asal, iaitu kejadian berlaku di kawasan istana, diterjemahkan secara lebih jelas, nyata dan disebut secara langsung dalam teks sasaran. [Molina dan Hurtado Albir \(2002\)](#) eksplisitasi merupakan strategi apabila maklumat yang tidak disebut secara langsung dalam teks sumber dinyatakan dengan lebih terang dalam teks sasaran untuk memastikan kefahaman pembaca. Sejalan dengan pandangan oleh [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) turut menyatakan bahawa bahasa Perancis lazimnya menuntut pengembangan semantik untuk menyampaikan makna dengan lebih jelas dan setara dengan kondisi teks sumber.

#### 4.4. Amplifikasi melalui Penambahan Maklumat (*Addition*)

Prosedur ini merujuk kepada penambahan maklumat yang tidak terdapat dalam teks sumber, yang lazimnya digunakan untuk memperjelas maksud yang tidak tersurat, mengelakkan kekaburan makna, atau menambah unsur penghubung bagi memastikan kelancaran dan koherensi teks terjemahan ([Molina & Hurtado Albir, 2002](#); [Adriansyah & Mulya, 2022](#)). Dalam erti kata lain, kejelasan makna yang lebih mendalam ini juga

dikenali sebagai pengembangan tatabahasa (Nurlaelani & Suyudi, 2023). Data ini direkodkan sebagai B17AMP05.

Contoh:

**Tsu:** *“But you still ran after me. You handed Kriss off to a guard because she couldn’t run.”* (Cass, 2013 ms. 114)

**Tsa :** *“Mais vous avez voulu m’apporter votre secours malgré tout, au péril de votre vie. Vous avez confié Kriss à un garde afin de l’éloigner du danger.”* (Cass, 2019, ms. 152)

Terdapat penambahan frasa *au péril de votre vie* yang sama sekali tidak terdapat dalam teks sumber. Hal ini demikian untuk memberikan kesan dramatik dan penekanan emosi terhadap keberanian watak. Dalam teks sumber, ianya hanya dinyatakan bahawa watak tersebut berlari mengejar dan menyerahkan Kriss kepada pengawal, tanpa menyebut risiko nyawa. Menurut Molina dan Hurtado Albir (2002), teknik amplifikasi merujuk kepada penambahan maklumat atau unsur stilistik yang tidak wujud dalam teks sumber bagi tujuan memperjelas atau memperkuat mesej yang disampaikan. Penambahan ini juga selaras dengan prinsip kesepadanan dinamik yang diketengahkan oleh Nida (1964), iaitu penterjemah kadangkala perlu menambah maklumat tertentu agar pemahaman pembaca sasaran setara dengan pembaca asal. Dalam konteks ini, penambahan frasa *au péril de votre vie* berfungsi menonjolkan keberanian dan pengorbanan watak yang ingin ditegaskan dalam teks sasaran. Maka, penambahan ini membolehkan pembaca sasaran memahami dan menangkap makna penyampaian dengan cepat (Nurlaelani & Suyudi, 2023).

#### 4.5. Amplifikasi melalui Parafrasa (*Paraphrase*)

Prosedur ini melibatkan tindakan memperjelas atau menghuraikan makna sesuatu segmen teks dengan menyatakan semula konsep yang sama dalam bahasa yang sama tanpa sesekali pun mengubah makna asasnya (Adriansyah & Mulya, 2022). Hal ini sejajar dengan pandangan Newmark (1988) menyatakan amplifikasi dari segi paraphrasi berfungsi untuk memperjelas makna dalam segmen tertentu. Pendekatan ini sering digunakan untuk memberikan penekanan tertentu atau meningkatkan kefahaman pembaca terhadap mesej yang disampaikan. Data ini direkodkan sebagai B5AMP03.

Contoh:

**Tsu:** *“It was true that I wasn’t the best candidate for the crown, but I didn’t deserve to be in the running at all if I couldn’t at least be brave enough to confess how I felt.”* (Cass, 2013 ms. 31)

**Tsa :** *“Je veux être la bien-aimée de Maxon, l’élue de son cœur. L’idée de le quitter maintenant m’est insupportable. Il faut que je prouve que je suis digne d’être princesse en lui avouant mes sentiments, en toute franchise.”* (Cass, 2019, ms. 40)

Dalam teks sumber, watak hanya menyatakan bahawa dia bukan calon terbaik untuk melayakkan dirinya terhadap perebutan menjadi permaisuri. Namun, dalam teks sasaran, penterjemah memperluas dan menukar sudut pandang dengan menggambarkan hasrat emosi untuk menjadi kekasih hati Maxon dan wanita pilihannya, yang tidak langsung disebut dalam teks sumber. Menurut Molina dan Hurtado Albir

(2002), amplifikasi parafrasa terjadi apabila penterjemah menambah atau mengubah cara penyampaian untuk menjelaskan maksud yang tersirat dalam teks sumber. Hal ini dibenarkan semasa proses terjemahan berlangsung kerana perubahan perspektif ini tidak menjejaskan makna asal teks sumber. [Vinay dan Darbelnet \(1995\)](#) turut menegaskan bahawa strategi ini wajar digunakan apabila terjemahan literal gagal membawa kesan makna yang sama, justeru penterjemah mengembangkan teks melalui ungkapan yang lebih panjang atau beremosi.

#### 4.6. Amplifikasi melalui catatan kaki (*Footnotes*)

Catatan kaki merupakan satu teknik amplifikasi. Teknik ini melibatkan pengenalan unsur linguistik atau perincian baharu dalam teks sasaran yang tidak dinyatakan secara terus dalam teks sumber, dengan tujuan memperjelas maklumat tersirat atau mengisi jurang budaya yang wujud antara kedua-dua bahasa ([Molina & Hurtado Albir, 2002](#)). Dengan itu, teknik ini dirumuskan bagi meningkatkan keterbacaan dan kefahaman pembaca terhadap teks sasaran, khususnya apabila wujud jurang bahasa yang ketara seperti antara bahasa Inggeris dan bahasa Perancis dengan cara memperjelas, memperincikan, atau memperluas maklumat dalam teks sumber agar penyampaian makna mudah difahami oleh pembaca sasaran ([Vinay & Darbelnet, 1995](#)). Data ini direkodkan sebagai B28AMP02.

Contoh :

**Tsu:** *"Tell my mother that America and I are safe. Do that before anything else," he said.* ([Cass, 2013, ms. 185](#))

**Tsa:** *"Dites à ma mère qu'America et moi, nous sommes hors de danger. Sur-le-champ ! lance-t-il au garde."* ([Cass, 2019, ms. 244](#))

Penggunaan teknik amplifikasi melalui nota kaki dapat dilihat dalam terjemahan frasa *Do that before anything else* kepada *Sur-le-champ!*. Terjemahan ini memperlihatkan bagaimana penterjemah mempertimbangkan perbezaan budaya bahasa antara teks sumber dan teks sasaran. Dalam konteks budaya bahasa Inggeris, frasa *Do that before anything else* sudah memadai untuk menegaskan keutamaan tindakan. Namun begitu, budaya bahasa Perancis cenderung mengekspresikan dalam bentuk arahan dengan lebih langsung, tegas dan lebih dramatik melalui ungkapan ekspresi seperti *Sur-le-champ !* yang secara budaya memberi kesan lebih kuat berbanding terjemahan literal. Walaupun, frasa bahasa sasaran tersebut lebih pendek tetapi makna frasa telah memadai untuk menunjukkan perkembangan dan penjelasan makna yang tidak ada dalam bahasa sumber. Tambahan pula, ini adalah bentuk amplifikasi nota kaki yang mempertimbangkan budaya kerana ia menyesuaikan ekspresi bahasa agar selaras dengan gaya komunikasi Perancis yang mengutamakan kejelasan emosi dan ketegasan dalam situasi mendesak. Secara tidak langsung, ungkapan tersebut dapat mengelakkan kekaburan dalam bahasa sasaran ([Ginting et al., 2020](#)).

#### 4.7. Amplifikasi melalui Deskripsi (*Description*)

Deskripsi merujuk kepada cara penterjemahan yang menggantikan sesuatu istilah atau ungkapan dengan penjelasan berbentuk gambaran yang menerangkan bentuk, sifat, atau fungsi istilah atau ungkapan tersebut dalam konteks teks sasaran ([Molina & Hurtado Albir, 2002](#)). Bertepatan dengan pandangan [Larson \(1991\)](#) menyatakan terdapat kata-kata yang secara semantik tidak memiliki padanan yang setara dalam bahasa sasaran,

sehingga memerlukan penyesuaian mengikut konteks dan kesesuaian budaya, namun tetap mengekalkan makna asal istilah tersebut. Data ini direkodkan sebagai B2AMP11.

Contoh :

**Tsu:** “*With my puffy face, a response like that was enough to make it seem like nothing good could have come from the meeting; but if that was what I had to say to protect Marlee, then I was fine with it.*” (Cass, 2013 ms. 134)

**Tsa:** “*Avec mes paupières bouffies, je donne l'impression que mon face-à-face avec Maxon a débouché sur un désastre ; si cela peut protéger Marlee, je suis prête à tous les mensonges.*” (Cass, 2019 ms. 180)

Berikut merupakan contoh amplifikasi deskriptif kerana penterjemah menukar ungkapan umum dalam teks sumber iaitu *the meeting* kepada frasa yang lebih spesifik dan menggambarkan situasi secara visual, iaitu *face-à-face avec Maxon*. Dalam teks sumber, istilah *meeting* hanya merujuk kepada pertemuan secara umum. Namun, dalam teks sasaran, penterjemah menambah deskripsi yang menjelaskan bahawa pertemuan itu adalah pertemuan bersemuka secara langsung iaitu *face-to-face*, sekali gus memberikan pembaca gambaran yang lebih konkrit. Menurut [Molina dan Hurtado Albir \(2002\)](#), amplifikasi boleh dilakukan melalui deskripsi, iaitu menambahkan penjelasan atau butiran visual untuk membantu pemahaman pembaca sasaran. Dalam konteks ini, penggunaan *face-à-face* bukan sekadar terjemahan literal, namun ia merupakan perluasan deskriptif yang menekankan bentuk pertemuan dan hubungan langsung antara watak.

#### 4.8. Penilaian Kesesuaian Teknik Amplifikasi Terhadap Emosi Wira

Data yang diperoleh adalah untuk menilai kesesuaian penerapan teknik amplifikasi terhadap emosi wira dalam terjemahan dengan berlandaskan ciri-ciri teori yang digunakan. Penilaian ini melibatkan pemerhatian sejauh mana penambahan elemen makna dalam teks sasaran berupaya mengekalkan atau menyampaikan emosi wira dengan baik, iaitu perasaan sokongan, perlindungan dan pengorbanan yang ditonjolkan oleh watak. Berdasarkan teori [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#), amplifikasi dilihat sebagai prosedur yang membolehkan penterjemah memperjelas atau memperluas mesej supaya maksud asal lebih terserlah dalam budaya sasaran, manakala teori Rasa-Fenomenologi oleh [Aziz \(1998\)](#) menghasilkan sebuah kerangka untuk menilai bagaimana pengolahan tersebut dapat memindahkan intensiti emosi wira secara berkesan dan tepat. Oleh itu, analisis ini akan membetangkan data mengukur sama ada amplifikasi yang dilakukan benar-benar membantu mengangkat dimensi kepahlawanan dalam teks sasaran atau sekadar menambah maklumat tanpa memberi kesan emosi yang setara.

#### 4.9. Terjemahan setara

Menurut [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) memperkenalkan kesetaraan merupakan salah satu teknik dalam terjemahan. [Nida dan Taber \(1974\)](#) turut menyatakan tujuan terjemahan setara adalah untuk menyampaikan makna dan bukan sahaja hanya mencari persamaan antara teks sumber (Tsu) dan teks sasaran (Tsa) semata. Mereka berpendapat bahawa kesepadanan serupa tidak mungkin dicapai penterjemah menyebabkan penterjemah harus menyasarkan dan menemui kesepadanan yang paling

hampir antara kedua bahasa tersebut. Dalam erti kata lain, terjemahan setara atau kesepadanan makna berlaku apabila kandungan mesej atau maksud yang disampaikan dalam teks sasaran adalah sama dan sepadan dengan maksud yang ada dalam teks sumber (Anis, 2023). Data ini direkodkan sebagai B3AMP02.

Contoh:

**TSu:** *“Need help? It’s quite a high step.”* (Cass, 2013 ms. 18)

**TSa :** *“Laissez-moi vous aider, America. La marche est assez haute.”* (Cass, 2019, ms. 23)

Dalam contoh ayat diatas, didapati emosi wira yang hadir dalam teks sumber tetap terpelihara walaupun penterjemah menggunakan prosedur amplifikasi. Dalam TSu, tindakan penawaran bantuan diekspresikan secara ringkas melalui ujaran *“Need help? It’s quite a high step”*, manakala dalam TSa, penterjemah memperluas bentuk ujaran tersebut kepada *“Laissez-moi vous aider, America. La marche est assez haute.”* Frasa *Laissez-moi vous aider, America* iaitu dengan meminta izin untuk membantu seseorang yang jelas kelihatan prosedur tersebut diimplikasi dalam ayat. Penambahan unsur nama watak secara langsung menjadikan tindakan menolong kelihatan lebih jelas dan tegas, seterusnya memperkukuh sifat kepahlawanan yang ingin dipindahkan. Seperti yang dijelaskan oleh Aziz (1998), emosi wira merujuk kepada nilai keberanian dan kesanggupan melindungi, manakala menurut Vinay dan Darbelnet (1995), prosedur amplifikasi berfungsi memperjelas mesej tanpa menjejaskan kesepadanan makna. Jadi, jelaslah bahawa penambahan dalam teks sasaran masih menunjukkan emosi wira dipindahkan secara setara kerana unsur keberanian dan keprihatinan penutur masih dapat dirasakan oleh pembaca teks sasaran.

#### 4.10. Terjemahan tidak setara

Terjemahan tidak setara merujuk kepada konsep bahawa kesamaan atau kesepadanan yang sempurna antara teks sumber (Tsu) dan teks sasaran (Tsa) dalam proses terjemahan adalah sukar, bahkan mungkin mustahil untuk dicapai (Pym, 2023; Vinay & Darbelnet, 1958; 1995; Nida & Taber, 1974). Hal demikian kerana terjemahan tersebut tidak menemui perkataan yang sesuai mahupun kesepadanan penuh dalam kata mahupun ayat. Data direkod sebagai B19AMP02.

Contoh:

**TSu:** *I don’t really control anything* (Cass, 2013, ms. 125)

**TSa:** *Je n’ai absolument aucune influence en matière politique* (Cass, 2019, ms. 167)

Terjemahan ayat *I don’t really control anything* diterjemahkan kepada *Je n’ai absolument aucune influence en matière politique* merupakan penerapan teknik amplifikasi melalui penambahan elemen *politique* yang tidak terkandung dalam teks sumber. Walau bagaimanapun, strategi ini telah menyebabkan terjemahan tersebut tidak setara, kerana makna asal yang bersifat umum tentang keterbatasan kuasa telah dipersempit menjadi lebih spesifik kepada politik semata-mata. Menurut Nida (1964) menyatakan kesetaraan dalam terjemahan bukan sahaja bergantung pada bentuk linguistik, tetapi turut menuntut pemindahan kesan makna dan emosi yang sepadan kepada khalayak sasaran. Begitu juga, Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) menegaskan bahawa penambahan

maklumat melalui amplifikasi perlu dilakukan secara terkawal, kerana penyisipan unsur baharu berpotensi mengubah mesej asal. Dalam konteks ini, penambahan perkataan *politique* memberi impak yang besar dan telah mengaburkan elemen wira yang pada asalnya menonjol melalui keberanian moral untuk mengakui ketidakberdayaan secara menyeluruh, sekali gus menjejaskan kesetaraan makna dan emosi antara kedua-dua teks.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa teknik amplifikasi memainkan peranan penting dalam pemindahan emosi wira daripada novel bahasa Inggeris, *The Elite* ke dalam novel bahasa Perancis, *L'Élite*. Data menunjukkan bahawa implikasi teknik amplifikasi melalui penjelasan (explicitation) mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 41%. Analisis data ini menunjukkan bahawa teknik ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk menjelaskan makna tersirat dan merapatkan jurang budaya antara kedua-dua bahasa, tetapi juga berupaya mengekalkan kesan emosi yang dihasratkan oleh pengarang asal. Data keseluruhan juga memperoleh nilai kesetaraan yang baik dengan nilai 74% dalam kategori terjemahan setara. Ini menunjukkan nilai terjemahan novel ini berapa pada tahap yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, hasil kajian turut memperlihatkan bahawa penggunaan amplifikasi yang berlebihan atau kurang tepat boleh menimbulkan ketidaksetaraan, khususnya terjadi apabila penambahan maklumat mengubah tumpuan mesej asal sehingga mengaburkan kesan emosi wira yang ingin disampaikan. Seiring dengan pandangan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) serta [Nida \(1964\)](#), keberhasilan penterjemahan bukan sahaja bergantung kepada padanan linguistik, tetapi turut ditentukan oleh keupayaan penterjemah mengekalkan kesan makna dan emosi yang sepadan kepada pembaca sasaran. Secara kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa pemilihan teknik amplifikasi perlu dilakukan secara selektif dan lebih berstrategik agar keseimbangan antara kejelasan makna, kesetaraan emosi, dan nilai kepahlawanan yang ingin disampaikan dapat dikekalkan dalam teks terjemahan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pelaksanaan kajian ini. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data daripada manusia secara langsung, maka persetujuan bertulis tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan dengan mematuhi prinsip integriti akademik dan etika penyelidikan.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Jutaan penghargaan diucapkan kepada pihak Graduate Research Fellowship (GRF) atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini, serta kepada keluarga tercinta atas dorongan, kesabaran dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan kewangan.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis menegaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penyelidikan atau penulisan kajian ini. Selain itu, tiada juga konflik kepentingan yang melibatkan proses penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Adriansyah, M., & Mulya, K. (2022). Teknik Penerjemahan Amplifikasi dalam Takarir Film “Gintama Live Action” Karya Hideaki Sorachi. *Kagami: Jurnal Pendidikan dan Bahasa Jepang*, 13(2), 79-89. <https://journal.unj.ac.id/unj/index.php/kagami/article/view/29309>
- Anis, M. Y. (2023). Teknik Amplifikasi Dalam Penerjemahan Struktur Informasi Bahasa Jawa Dengan Abjad Arab Pegon Ke Dalam Bahasa Indonesia: Studi Kasus Teks Syarah Al-Hikam Karya Kyai Sholeh Darat Amplification Technique in The Translation of Javanese Information Structure with Arabic Pegon Alphabet into Indonesian. *Salingka*, 20(2), 157-173. <https://doi.org/10.26499/salingka.v20i2.1034>
- Aziz, S. A. (1998). *Rasa-fenomenologi: penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cass, K. (2013). *The Elite*. HarperTeen.
- Cass, K. (2019). *La Sélection, Tome 2 : L'Élite* (M. Nasalik, Trans.). Pocket Jeunesse. (Original work published 2013).
- Darmayanti, N. P., Yadnya, I. B., & Sedeng, I. N. (2019). Amplification and Transposition in Translation of English Commands into Indonesian with Reference to Harry Potter’s Novel. *Jurnal Sosial dan Humaniora*, 256-265. <https://doi.org/10.31940/soshum.v9i3.1484>
- Dlamini, P., & Dlamini, N. (2021). Exploring explicitation and amplification in translated literary texts from English into isiZulu. *South African Journal of African Languages*, 41(3), 287-293. <https://doi.org/10.1080/02572117.2021.2010916>
- Ginting, D. F., Lubis, S., & Mono, U. (2020). Translation techniques and quality of the translation of legal text on immigration law. *International Journal of Humanity Studies (IJHS)*, 3(2), 228-238. <https://doi.org/10.24071/ijhs.v3i2.2171>
- Husin, N., Ismail, S., Mohamad, M., & Haroon, H. (2024). Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002827-e002827. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2827>
- Kendenan, E. S. (2018). Analisis Penerapan Teknik Amplifikasi dalam Terjemahan “Gadis Pantai” Karya Pramoedya Ananta Toer ke dalam Bahasa Inggris. *Menduniakan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 85-102. [https://www.academia.edu/111325386/Analisis\\_Penerapan\\_Teknik\\_Amplifikasi\\_dalam\\_Terjemahan\\_Gadis\\_Pantai\\_Karya\\_Pramoedya\\_Ananta\\_Toer\\_ke\\_dalam\\_Bahasa\\_Inggris?sm=b](https://www.academia.edu/111325386/Analisis_Penerapan_Teknik_Amplifikasi_dalam_Terjemahan_Gadis_Pantai_Karya_Pramoedya_Ananta_Toer_ke_dalam_Bahasa_Inggris?sm=b)
- Larson, M. L. (1991). Editor’s note: the interdependence of theory and practice. *Translation: Theory and Practice. Tension and Interdependence*, 1-4. <https://doi.org/10.1075/target.5.1.17pym>
- Mahmud, E. Z., Bayusena, B., & Ampera, T. (2021, April). Amplification Technique of Translation in the Target Language Novel ‘Earth Dance’. In *English Language and Literature International Conference (ELLiC) Proceedings* (Vol. 4, pp. 452-461). <https://jurnal.unimus.ac.id/index.php/ellic/article/view/7703>

- Molina, L., & Hurtado Albir, A. (2002). Translation techniques revisited: A dynamic and functionalist approach. *Meta*, 47(4), 498-512. <https://doi.org/10.7202/008033ar>
- Naserly, M. K. (2017). Terjemahan aspek budaya dalam subtitle film *Date Night*. *Wanastra: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 9(2), 173-181. <https://doi.org/10.31294/w.v9i2.2406>
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation* (Vol. 66, pp. 1-312). New York: Prentice hall.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: with special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Brill Archive.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1974). *The theory and practice of translation* (Vol. 8). Brill Archive.
- Nurlaelani, & Suyudi, I. (2023). Translation Techniques of Indonesian to English Sonnet Sonnet X. *European Journal of Language and Culture Studies*, 2(3), 1-5. <https://doi.org/10.24018/ejlang.2023.2.3.89>
- Pym, A. (2023). *Exploring Translation Theories (third edition)*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003383130>
- Ramadhani, A., Utami, H. S., & Edy, S. (2024). *Amplification and Reduction Techniques in Subtitle the Adventures of Tintin: The Secret of Unicorn Movie Texts* (Doctoral dissertation, Institut Agama Islam Negeri Curup). <http://e-theses.iaincurup.ac.id/id/eprint/7721>
- Rose, J. (2004). Protective behaviours: Safety, confidence and self-esteem. *Journal of Public Mental Health*, 3(1), 25-29. <https://doi.org/10.1108/17465729200400004>
- Sihombing, R., & Rundjan, E. (2019). Kajian Tentang Rasa Khawatir Pada Kehidupan "Orang Percaya" Dalam Perspektif Alkitab. *The Way: Jurnal Teologi Dan Kependidikan*, 5(1), 70-84. <https://doi.org/10.54793/teologi-dan-kependidikan.v5i1.5>
- Subramoniam Manonmani Devi, K., & Annamala, M. A. R. (2023). Rasa Berang Dalam Novel Suthattam Aadum Kaalam. *Journal of Education and Social Sciences*, 23(1). <https://jesoc.com/issue/volume-23-feb-2023-issue-1/>
- Suyudi, I. (2023). Translation Techniques of Indonesian to English Sonnet Sonnet X. *European Journal of Language and Culture Studies*, 2(3), 1-5. <https://doi.org/10.24018/ejlang.2023.2.3.89>
- Vinay, J.-P., & Darbelnet, J. (1958). Stylistique comparée du français et de l'anglais. *Canadian Journal of Linguistics/Revue canadienne de linguistique*, 5, 53-55.
- Vinay, J.P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English: a methodology for translation*. John Benjamins Publishing Company.